



08 DEC, 2021

PDF kilang Lynas kekal di kawasan Perindustrian Gebeng

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

PDF kilang Lynas kekal di kawasan Perindustrian Gebeng

Kuala Lumpur: Tapak cadangan bagi pembinaan kemudahan pelupusan kekal (PDF) kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd masih kekal di kawasan Perindustrian Gebeng seluas 28.328 hektar dan kini dalam proses menunggu kelulusan pembinaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, laporan penilaian kesan radiologi (RIA) sudah dihantar manakala Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) kawasan itu akan dikemukakan kepada Lembaga Tenaga Atom (AELB) hari ini sebelum kelulusan pembinaan diberikan.

“Pembinaan tapak PDF di Bukit Ketam, Kuantan sudahpun ditamatkan, tidak ada berlaku lagi pembinaan PDF di situ dan sudah dipindahkan dan dicadangkan di kawasan Perindustrian Gebeng berhampiran dengan Lynas Advanced

Material Plant (LAMP) iaitu kilang yang Lynas ada sekarang.

“Dalam pembinaan PDF, apa yang sudah kita laksanakan ialah keperluan RIA dan EIA dipenuhi dan esok laporan RIA akan tamat dan ia sudahpun dihantar dan EIA (akan dihantar) esok, selepas itu proses kelulusan dibenarkan. (Pembinaan tapak PDF) ia akan berlaku di tapak sedia ada iaitu bersebelahan LAMP,” katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada **Steven Choong Shiau Yoon (Bebas-Tebrau)** yang bertanyakan sama ada pembinaan tapak PDF masih kekal di kawasan Perindustrian Gebeng atau ada tapak cadangan baharu serta langkah yang diambil untuk memastikan penduduk di kawasan sekitar selamat sekiranya PDF dibina di kawasan itu.



08 DEC, 2021

PDF kilang Lynas kekal di kawasan Perindustrian Gebeng

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuala Lumpur: Tapak cadangan bagi pembinaan kemudahan pelupusan kekal (PDF) kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd masih kekal di kawasan Perindustrian Gebeng seluas 28.328 hektar dan kini dalam proses menunggu kelulusan pembinaan. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, laporan penilaian kesan radiologi (RIA) sudah dihantar manakala Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) kawasan itu akan dikemukakan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) hari ini sebelum kelulusan pembinaan diberikan.